



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA



# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2023



# ISI KANDUNGAN

	- 6000 PESERTA BERARAK DI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN	3
	- ORKID PUTRAJAYA 2023	4-5
	- HRP2023 CIPTA REKOD BARISON PERKELAHAN TERPANJANG DI MALAYSIA	6
	- HARI SUKAN NEGARA 2023 PUTRAJAYA	7
	- PERTANDINGAN CARETON@PUTRAJAYA TINGKAT KREATIVITI INDUSTRI KITAR SEMULA	9
	- PPJ ANJUR FORUM BENTUK KELUARGA HARMONI, BAHAGIA DAN SAKINAH	10
	- LEBIH 5000 PENYOKONG HARIMAU MALAYA BANJIRI DATARAN PUTRAJAYA	11
	- APMBP 2022-2023 IKTIRAF PENGUSAHA PREMIS MAKANAN DI PUTRAJAYA	12
	- RANGKUL PELBAGAI ANUGERAH, PERBADANAN PUTRAJAYA KEKAL PRESTASI CEMERLANG TAHUN 2023	13
	- KOMPLEKS PENGUAT KUASA PPJ BAKAL DI BINA DEMI KELANCARAN OPERASI	14
	- KARNIVAL USAHAWAN DESA PUTRAJAYA 2023	15

## PERTANYAAN



Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,  
Seksyen Portal & Multimedia  
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



[Facebook/putrajaya](#)



[Twitter@putrajayacorp](#)



[Youtube/perbadananputrajaya](#)



[Instagram/perbadananputrajaya](#)

# 6,000 Peserta Berarak Di Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan



Seramai 6,000 orang dari 131 kontinjen mewakili kementerian, badan berkanun dan agensi swasta menyertai sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Presint 5, Putrajaya.

Acara perarakan kontinjen bermula pada jam 7.30 pagi dengan penyertaan seramai 3,700 orang peserta lelaki serta 2,300 orang peserta wanita.

Kontinjen mula berarak dari Jambatan Seri Gemilang Putrajaya ke PICC dengan jarak perjalanan 1.1 km diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Bertemakan Perpaduan Teras Malaysia Madani, acara kemuncak sambutan bermula pada jam 10 pagi dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Hadir sama Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta barisan Jemaah Menteri.

Sambutan Maulidur Rasul adalah acara rasmi kerajaan yang disambut setiap tahun sama ada di peringkat Persekutuan dan negeri sesuai dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan

Malaysia. Sambutan bukan sekadar untuk memperingati hari ulang tahun kelahiran Rasulullah SAW, malah ia menjadi wadah terbaik dalam menyantuni masyarakat meneladani susur kehidupan, perjuangan dan sunnah Rasulullah SAW.

Tokoh Akademik, Prof Datuk Dr Syed Othman Syed Husin Al Habshi telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Perdana bersempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2023. Pengasas dan Presiden Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), Datuk Kamarudin Abdullah diumumkan antara enam penerima Anugerah Maulidur Rasul. Penerima lain Anugerah Maulidur Rasul ialah Yang Dipertua Persatuan Falak Syar'i Malaysia, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer; Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datu Misnu Taha; aktivis kebajikan haiwan, Datuk Dr Mhd Nordin Mohd Nor dan pesara guru yang juga Ikon Pejuang Bahasa Melayu 2015, Shaariah Dahman. Seorang lagi penerima ialah orang kurang upaya (OKU) penglihatan yang juga Ketua Operasi Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Zamzuri Ghani.

Anugerah-anugerah tersebut diberikan sebagai pengiktirafan kepada individu yang layak atas sumbangan yang cukup bermakna dalam pembangunan ummah dan negara.





Festival Orkid Putrajaya 2023 membuka tirainya pada 14 hingga 20 Disember 2023 dan telah dilanjutkan kepada 24 Disember 2023 bertempat di Taman Botani, Presint 1, Putrajaya.

Bertemakan Pesona Anggerik, edisi kali ini menghimpunkan sebanyak 600 pokok orkid termasuk pelbagai jenis hiasan pokok-pokok berbunga seperti pokok palma, orkid VIP, orkid liar, pokok-pokok renek, tanah tinggi, pokok pakis serta lebih daripada 70,000 nos bunga semusim yang disusun hias di Nurseri Pusat Taman Wetland.

Uniknya, festival ini bukan sahaja mempamerkan kepelbagaian bunga berwarna-warni dalam reka bentuk landskap yang indah tetapi turut dijual di gerai tapak festival. Pengunjung semestinya terpesona seakan berada di negara Eropah kerana dikelilingi ratusan ribu jenis pokok, tumbuhan dan bunga-bungaan.

Acara yang bermula pada pukul 8 pagi hingga 10 malam telah diserikan dengan kehadiran isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 14 Disember 2023 yang turut merasmikan festival ini.

Objektif penganjuran Orkid Putrajaya 2023 adalah untuk mempromosikan Putrajaya khasnya dan Taman Botani Putrajaya amnya dalam kepelbagaian produk pelancongan sedia ada di pusat pentadbiran kerajaan itu selain mempunyai potensi yang besar untuk menjadi

salah sebuah destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa.

Di samping itu, acara ini dilaksanakan bagi mempromosi dan mengetengahkan pelbagai jenis orkid dan hibridnya, memperkenal serta mempamerkan koleksi-koleksi spesies orkid khas, unik dan rare yang terdapat di Malaysia sekali gus menyokong industri orkid.

Bukan itu sahaja, ia juga dapat memberi ilham dan idea reka bentuk hiasan, taman orkid dan bunga-bungaan lain kepada pengunjung dan orang ramai.

Tarikan pada festival orkid kali ini, sebanyak 600 pokok orkid dengan penyusunan bunga dari lapan negara iaitu Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Taiwan dan Jepun telah dipamerkan.

Terdapat lebih 20 jenis orkid VIP turut dipamerkan di dalam Indoor Pavilion melibatkan orkid terdiri daripada nama-nama diraja dan orang kenamaan antaranya Vanda Queen Azizah, Dendrobium Raja Perempuan Fauziah, Vanda Sultan Idris dan Phalaenopsis Queen Bru Saleha.

Bersempena perasmian Festival Orkid Putrajaya 2023 turut diperkenalkan kepada umum satu lagi orkid hibrid iaitu 'Dendrobium Dr. Wan Azizah'. Hibrid orkid ini dinamakan sempena nama isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail.



Lebih menarik, pengunjung tidak dikenakan sebarang bayaran dan masuk adalah percuma sepanjang acara berlangsung.

Selain itu juga, 12 kategori Pertandingan Orkid yang mempertaruhkan lima anugerah merangkumi 16 trofi kejuaraan iaitu Grand Champion, Runner Up, Best Species, Best Malaysian Hybrid serta Best In Section dipertanding.

Dalam masa sama, Pertandingan Terarium yang bertemakan Pesona Alam turut diadakan melibatkan lebih kurang 20 penyertaan jemputan bagi kategori terbuka yang terdiri daripada sekolah-sekolah menengah di Putrajaya serta rakan perkongsian pintar seperti Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Fakulti Reka Bentuk & Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM) dan KrisPutra.

Tujuan pertandingan dan pameran ini adalah untuk mencungkil bakat setempat dan mempamerkan hasil seni terarium yang menarik dan kreatif selain menjadi sebahagian daripada tarikan Indoor Showcase di Pameran Orkid Putrajaya 2023.

Pemenang pertandingan tempat pertama membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 dan trofi, tempat kedua RM750, RM500 di tempat ketiga sementara tempat keempat hingga kelapan menerima anugerah merit RM250. Masing-masing turut membawa pulang sijil penyertaan.

Penganjuran pada kali ini juga menawarkan lebih daripada 50 aktiviti dan persembahan pentas antaranya Bengkel Gubahan Bunga, Bengkel Mencanting Batik, Bengkel Hiasan Cup Cake, Bengkel Doodle Art, Bengkel Terrarium, Demo Masakan, Pertunjukan Fesyen Bertemakan Orkid, Larian Orkid Putrajaya, Zumba, Face Fainting, Badut, Superhero

Costume, Maskot, Kuiz & Teka Teki?, Persembahan Malam Kebudayaan – Singgah Seni, Persembahan Tarian Kebudayaan & Buskers serta pelbagai aktiviti dan hadiah menarik disediakan untuk pengunjung bertuah.

Disamping itu, sebanyak 27 lot gerai jualan Garden Bazaar disediakan yang terdiri daripada jualan Orkid (pelbagai spesies orkid hibrid dan hutan), airplant, hoyo, fern, aeroid, cactus dan succulent serta tanaman landskap yang lain seperti ros, bunga raya, pokok buah, heliconia, buah nadir dan baja.

Kawasan jualan makanan dan minuman yang dikenali sebagai Coffee Village@Orkid Putrajaya yang mana sebanyak 40 gerai jualan makan dan minum bertemakan kopi disediakan dengan kerjasama Persatuan Peniaga di Kompleks Kerajaan Putrajaya turut disediakan kepada pengunjung.

Antara jenis jualan adalah seperti Ngopi, Kopi Susu Kurma, Nasi Daging Danok, Apam Balik Seri Menanti, Yong Tau Foo, Kopi Gantung Perlis, Mojito, Kopi Jepun, keropok lekor, kambing panggang, doki-doki dan banyak lagi selain 10 food truck disediakan dengan jenis jualan seperti Texas Chicken, oden, ayam Korea, minuman pelbagai kopi dan lain-lain.

Selain itu, terdapat fasiliti sokongan termasuk kerusi dan meja disediakan bagi memudahkan pengunjung menikmati makanan serta minuman yang dibeli sambil menonton persembahan buskers.

Bagi pengunjung yang hadir, kemudahan seperti surau, tandas, kerusi roda buat Orang Kurang Upaya (OKU) atau warga emas serta paramedik Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) turut disediakan.



# HRP2023 Cipta Rekod Barisan Perkelahan Terpanjang Di Malaysia

Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Hari Rekreasi Putrajaya 2023 (HRP2023) di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya pada 14 Oktober 2023 sebagai inisiatif bagi menjenamakan Putrajaya sebagai bandar rekreasi untuk menggalakkan gaya hidup work life balance, meningkatkan kesihatan dan mempromosikan keindahan serta kepelbagaian rekreasi di Putrajaya.

Menurut kenyataan daripada Bahagian Komunikasi Korporat PPj, pemilihan Anjung Floria adalah bertepatan dengan pengisian utama HRP2023 iaitu acara perkelahan kerana ia terkenal sebagai lokasi terbaik menikmati matahari terbenam di Putrajaya, selain merupakan salah satu destinasi yang sesuai untuk melakukan aktiviti beriadah bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.

HRP 2023 berjaya mendapat pengiktirafan bagi rekod The Longest Picnic Line (Barisan Perkelahan Terpanjang di Malaysia) oleh The Malaysia Book of Records (MBOR) dengan penyertaan acara perkelahan seramai 1,000 orang bersamaan 253 lot perkelahan dengan ukuran sepanjang 709.5 meter. HRP2023 mencatatkan jumlah keseluruhan pengunjung seramai 30,000 orang.

Selain menjadi sebahagian daripada rekod pengiktirafan MBOR, peserta perkelahan turut diadili bagi pertandingan lot piknik tercantik yang dipertandingkan dalam enam kategori iaitu terbuka, komuniti Putrajaya, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, pelajar universiti dan pengatur acara.

Antara aktiviti sampingan yang turut dianjurkan adalah memanah, petting zoo, mini flying fox, aktiviti seni dan kraf tangan, tree climbing, slack line, remote control show dan pameran campsite daripada jenama-jenama barang dan perkhidmatan outdoor, bazar jualan daripada Pasar Seloka, Car Boot Sale Kota Damansara, PUSPANITA Putrajaya dan Komuniti LA21.

Manakala aktiviti rekreasi air yang diketengahkan adalah pertandingan open water swimming, kayak rekreasi, klinik stand-up paddle (SUP), water taxi dan SUP sunset.

HRP2023 turut dimeriahkan dengan 17 jenis aktiviti sukan kenangan, antaranya pertandingan jambatan licin, tangkap itik, tarik tali dalam air, gusti bantal dalam air dan istana pasir.

Bagi penggemar makanan pula, HRP turut menyajikan pelbagai makanan dan juadah menarik untuk pengunjung seperti Lepak Corner, Food Truck dan jualan penjaja kecil yang disediakan bagi menggalakkan pengusaha kecil dan usahawan muda tempatan memanfaatkan platform ini bagi mengetengahkan produk mereka secara meluas dan lebih dekat dengan orang awam.

PPj berharap penganjuran Hari Rekreasi Putrajaya 2023 secara tidak langsung dapat memperkenalkan Putrajaya sebagai bandar mesra rekreasi dan sambutan hari rekreasi akan dijadikan antara acara tahunan yang disambut di peringkat kebangsaan, dengan menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras terutamanya terhadap penekanan kepada keindahan landskap bandar, pelbagai aktiviti rekreasi yang ditawarkan dan sokongan kepada gaya hidup sihat serta aktif.



# Hari Sukan Negara 2023 Putrajaya



**H**ari Sukan Negara (HSN) peringkat kebangsaan 2023 berlangsung penuh meriah di Putrajaya dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mensasarkan pembabitan lebih 4 juta rakyat Malaysia di seluruh negara.

HSN 2023 telah diisi dengan 66 acara dan aktiviti sukan dan rekreasi seperti Jelajah Fit Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 (larian, berbasikal & jalan kaki), senamrobik, bola keranjang 3X3, kabbadi, sukan elektronik dan banyak lagi.

Selain itu, turut dianjurkan program dan aktiviti mesra OKU, kanak-kanak dan warga emas seperti Karnival Inspire OKU Aktif, Active Ageing, sukaneka dan sebagainya.

Majlis perasmian HSN peringkat kebangsaan 2023 telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berlangsung dengan meriah dan disertai lebih 30,000 peserta pada 14 Oktober 2023.

Semua negeri menganjurkan serentak HSN kecuali Sarawak yang menganjurkannya pada 28 Oktober 2023 bagi menghormati Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Perdana Menteri kelihatan gembira melihat penyertaan ramai keluarga yang keluar bersama anak kecil dan semua aktiviti sukan dianjurkan untuk semua lapisan umur dan OKU.

HSN adalah agenda nasional yang disambut secara tahunan pada setiap Sabtu minggu kedua Oktober dalam usaha membudayakan serta merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaran dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030.





# Kai Yi, Isaac Curi Tumpuan Di Putrajaya Aquafest

Putrajaya Aquafest, yang dianjurkan oleh NX113 dan disokong oleh Perbadanan Putrajaya menampilkan dua acara berasingan iaitu Renang Perairan Terbuka Ultra Maraton 16km pada 21 Oktober 2023 dan Aquathlon Putrajaya pada 22 Oktober 2023.

Putrajaya Aquafest yang dilangsungkan dengan jayanya di Kompleks Sukan Air Presint 6, menyaksikan perenang jarak jauh, Lim Kai Yi dan atlet triatlon, Isaac Tan mencuri tumpuan dengan kemenangan dalam acara masing-masing.

Lim Kai Yi telah memenangi dalam saingan Renang Perairan Terbuka Ultra Maraton 16km. Kai Yi, 17 tahun, menamatkan perlumbaan di tempat pertama dengan rekod masa 3:10:28 saat (s), manakala wakil Sepanyol, Jose Luis Larrosa Chorro (3:19:28s) dan Chelsea Ning (3:24:38s) di kedudukan perak dan gangsa.

Sebelum ini, Kai Yi pernah meraih pingat perak dalam acara 5km di Kejohanan Renang Perairan Terbuka Asia Tenggara pada awal Februari 2023 di venue yang sama.

Sementara itu, kedudukan podium keseluruhan yang diraih Chelsea Ning menjadikannya sebagai perenang wanita terpantas dalam acara tersebut. Pada Jun 2023, Chelsea yang berusia 19 tahun,

mencipta sejarah menjadi atlet wanita pertama Malaysia melengkapkan perlumbaan ultra Le Flow Des Gabarriers dengan jarak 33km di Perancis.

Jaguh triatlon negara Isaac pula menepati statusnya sebagai peserta pilihan apabila memenangi Kejohanan Aquathlon Kebangsaan menerusi saingan NX Aquathlon Putrajaya. NX113 Aquathlon Putrajaya mempertandingkan empat kategori, merangkumi 'Standard (renangan 1.5km/larian 10km), Sprint (renangan 750m/larian 5km), Super Sprint (renangan 500m/larian 2.5km) dan KiTS (renangan 50m/larian 500m) yang dikhhususkan untuk atlet cilik berusia di antara 6 hingga 10 tahun.

Isaac, 18 tahun, mengungguli tempat pertama kategori Sprint Lelaki Elit dengan catatan 31:13s mengatasi pencabar terdekatnya, Amri Ikhsaan Yazdani (32:09s), sekaligus meraih gelaran kebangsaan keduanya unyuk tahun 2023.

Pada Julai 2023, Isaac, yang pernah mewakili negara di Sukan Komanwel Birmingham 2022, turut mendominasi Kejohanan Triatlon Kebangsaan di NX113 Triathlon Desaru.

# Pertandingan CAREton@Putrajaya Tingkat Kreativiti Industri Kitar Semula



**S**elaras dengan aspirasi Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam menjadikan Putrajaya sebagai bandar rendah karbon, PPj telah menganjurkan Pertandingan Perabot PolyAI 2023 pada 1 Ogos hingga 15 September 2023.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar PPj, Ybrs Tuan Shamsul Bahrin bin Rahmat, pertandingan tersebut dilaksanakan bersama rakan strategik CAREton@Putrajaya iaitu Syarikat Tetra Pak Malaysia, Nestle Milo UHT dan Majlis Rekabentuk Malaysia.

Pertandingan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi kreativiti industri dalam menghasilkan produk kitar semula menggunakan papan polyAI. Di samping itu juga, ia adalah untuk memperkenalkan konsep sirkular ekonomi sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya.

Hasil pertandingan yang terpilih akan digunakan di premis PPj dan sekitar Putrajaya mengikut kesesuaian. Dalam masa yang sama, ia secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembelian PPj di samping mempromosi amalan bandar hijau.

Sebanyak sembilan penyertaan telah diterima oleh PPj yang mana hasil pertandingan ini telah dinilai daripada aspek-aspek seperti konsep dan fungsi, kreativiti dan estetik, keselamatan dan kekuahan, peratusan penggunaan UBC dan potensi untuk dikomersialkan.

Projek ini juga akan dikembangkan dari semasa ke semasa kepada skala lebih besar dalam kalangan komuniti, bukan sahaja memanfaatkan alam sekitar malah dapat membantu menjana sumber pendapatan komuniti berteraskan teknologi hijau. Sesuai dengan konsep bandar hijau, PPj akan terus komited dalam menggalakkan penggunaan bahan kitar semula dalam kehidupan seharian bagi menyebarkan kepentingan mengamalkan kelestarian alam sekitar. Aktiviti sebegini turut dapat memperkenalkan cara unik dan kreatif untuk menghias kawasan kediaman komuniti sambil menjaga alam sekitar.

Terdahulu, PPj meraikan sembilan pemenang Pertandingan CAREton@ Putrajaya daripada peringkat sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), persatuan dan syarikat swasta bertempat di Lobi Auditorium Cempaka Sari, Kompleks PPj.

Juara pertandingan berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM800.00, RM600.00 bagi naib juara, RM400.00 untuk tempat ketiga manakala tempat keempat RM300.00 dan tempat kelima RM250.00. Pemenang sagu hati pula membawa pulang wang tunai RM200.00 selain masing-masing turut menerima sijil dan hadiah iringan.



# PPj Anjur Farum Bentuk Keluarga Harmoni, Bahagia Dan Sakinah

Dalam usaha membantu serta menyokong komuniti Putrajaya ke arah pembentukan keluarga yang harmoni, bahagia dan sakinhah, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan mengadakan Forum Keluarga Sakinah Putrajaya 2023 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, istilah Sakinah menggambarkan kedamaian, ketenangan dan kebahagiaan dalam hubungan kekeluargaan sekali gus membentuk komuniti yang boleh menjadi penyumbang positif kepada masyarakat.

Forum tersebut merangkumi pelbagai topik dan perbincangan mengenai perkahwinan, hubungan suami isteri, keibubapaan, komunikasi dalam keluarga dan nilai kekeluargaan dalam Islam. Selain itu juga ia menjadi tempat untuk berkongsi pengalaman, nasihat dan penyelesaian berhubung masalah yang sering timbul dalam kehidupan berkeluarga.

Dalam masa sama, ia turut menyokong kesejahteraan mental komuniti Putrajaya

di mana keluarga yang harmoni cenderung untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada kesejahteraan mental. Perkara tersebut boleh mengurangkan masalah kesihatan mental dalam masyarakat selain mewujudkan masyarakat yang lebih stabil.

Lebih menarik, forum yang bertajuk Undang-Undang Syariah? Tujuan Dan Matlamat Dalam Kehidupan Berkeluarga turut menampilkan ahli panel iaitu pendakwah bebas, PU Amin dan Exco Majlis Peguam Syarie Wilayah Persekutuan, Roshdan Sujak Rafie di samping penampilan moderator yang juga pengacara TV Alhijrah, Jalal Zaiki.

Terdahulu, Program Forum Keluarga Sakinah Putrajaya Siri 1 yang bertajuk Aidilfitri Dirai, Keluarga Disantuni telah diadakan pada April 2023 dengan penampilan Suffian Saujana sebagai moderator serta dua panel iaitu Ustaz Nik Bakri Nik Mat dan Dr Fitri Haris.

Turut diadakan, Bantuan Kasih Aidilfitri Putrajaya 2023 yang disumbangkan kepada asnaf-asnaf dan anak-anak Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Putrajaya.



# Lebih 5,000 Penyokong Harimau Malaya Banjiri Dataran Putrajaya



Kira-kira 5,000 orang penyokong setia Harimau Malaya membanjiri Dataran Putrajaya, Presint 3 bagi menyaksikan perlawanan Malaysia menentang Tajikistan bersempena Pestabola Merdeka 2023.

Dataran Putrajaya menjadi lokasi utama bagi tayangan skrin besar dan program santai anak muda anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Lebih menarik, program anjuran Pejabat Belia dan Sukan daerah Putrajaya (Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) itu turut mengadakan aktiviti bersama peminat pasukan kebangsaan antaranya Kuiz Pestabola Merdeka dan cabutan bertuah.

Majlis penyampaian hadiah tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Kamil Munim. Turut hadir Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Datuk Ahmad Faisal Abdul Karim; Pengarah Cawangan Penggalakkan dan Pembangunan Sukan KBS,



Sabran Abdul Bahar dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Sukan dan Komuniti Perbadanan Putrajaya, Muhamad Zaidi Abdul Wahab.

Bagi menghidupkan lagi Putrajaya sebagai destinasi wajib dilawati, pelbagai program anjuran MPPWP Sub Zon 5 Putrajaya bakal diadakan antaranya Hari Komuniti Kejiran P14D, Hari Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 14, Archery War Sub-Zon 5, Solat Hajat SPM 2023 dan Perkhemahan Kokurikulum Pendidikan Khas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 14(1).



# APMBP 2022-2023 Iktiraf Pengusaha Premis Makanan Di Putrajaya

Bagi mengiktiraf pengusaha premis makanan di Putrajaya yang komited dalam mempraktikkan aspek keselamatan dan kualiti makanan masing-masing, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Anugerah Premis Makanan Bersih Putrajaya (APMBP) 2022-2023 pada 2 November 2023.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, ia merupakan penganjuran edisi ketiga selepas tahun 2016 dan 2020.

Antara kategori premis makanan yang telah diiktiraf adalah premis restoran francais dan bukan francais, gerai makanan, kiosk makanan, hotel, kantin sekolah, kafeteria, dapur komersial, food truck serta kedai kek dan pastri.

Manakala bagi kategori khas pula, melibatkan Premis Contoh Program Mentor Mentee Premis Makanan PPj, Premis Contoh Program BeSS Pejabat Kesihatan Putrajaya dan Premis Contoh My Trust Catering Kesihatan Putrajaya.

Terdapat 10 kategori pengiktirafan dan tiga kategori khas dengan mengambil kira penilaian yang telah dijalankan oleh PPj dengan kerjasama rakan strategiknya iaitu Pejabat Kesihatan Putrajaya (PKPj) bagi tahun 2022 hingga 2023.

Sebanyak tujuh aspek penilaian yang dijalankan merangkumi pematuhan kriteria kawasan penyediaan makanan, kawasan penyajian makanan, etika pengendali makanan, sistem bekalan air, kemudahan sanitasi, struktur dan penyelenggaraan premis serta lain-lain keperluan seperti yang dikehendaki di dalam Garis Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan PPj dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Putrajaya telah menyaksikan peningkatan

premis makanan sebanyak 480 buah pada tahun 2023 berbanding 173 premis makanan pada tahun 2007.

Bagi meneruskan komitmen PPj dalam aktiviti keselamatan makanan, PPj secara berterusan telah menganjurkan Program Mentor Mentee Premis Makanan PPj. Semua premis makanan Gred B terpilih akan dibimbing untuk peningkatan ke Gred A dengan melalui modul-modul yang telah ditetapkan.

Sebanyak 73 peratus peserta program ini telah berjaya dinaik taraf ke Premis Makanan Gred A pada tahun 2022 dengan bimbingan dan penilaian berterusan sehingga tempoh 2023. Mengikut rekod sebanyak 252 premis makanan telah diberikan penarafan Gred A sehingga September 2023 berbanding 239 untuk tempoh sama pada tahun 2022. PPj berharap dengan program serta inisiatif ini dapat memberi kesedaran kepada pemilik premis serta orang awam tentang kepentingan penjagaan kebersihan premis makanan.

PPj juga telah memperkenalkan satu inisiatif baharu iaitu Kad Pengendali Makanan Perbadanan Putrajaya kepada semua pengendali makanan yang bekerja di sekitar pusat pentadbiran kerajaan. Inisiatif pengenalan kad pintar ini adalah sebagai satu usaha PPj dalam mewujudkan dokumen rasmi bagi Kad Latihan Pengendali Makanan PPj dan Kad Suntikan Typhoid PPj.

Setiap rujukan data pengendali makanan yang disimpan bukan sahaja mampu mengelakkan risiko pemalsuan dokumen wajib pengendali makanan, malah akan memudahkan pemeriksaan dijalankan oleh PPj dan PKPj melalui data yang telah diintegrasikan dengan lebih telus dan sistematik.

# Rangkul Pelbagai Anugerah, Perbadanan Putrajaya Kekal Prestasi Cemerlang Tahun 2023



Prestasi cemerlang Perbadanan Putrajaya (PPj) terus diiktiraf melalui Anugerah Penghargaan Bandar Paling Mampan dan Anugerah Penghargaan Khas bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 peringkat kebangsaan yang diadakan pada 9 November 2023 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, Dato'TPr Fadlun bin Mak Ujud, pihaknya menyertai Program Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNInets) di bawah PLANMalaysia yang digunakan sebagai alat pengukur kemampuan bandar-bandar di Malaysia sejak tahun 2012.

Bagi tahun 2023, pihak Perbadanan telah lengkap mengisi kesemua 39 indikator ke dalam gerbang MURNInets termasuk menjalankan soal selidik berkaitan Indeks Kebahagiaan dan Pandangan Penduduk Terhadap Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk M Noor Azman Taib. Pada majlis yang sama, PPj turut menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia dengan berjaya mencapai status Smart City Early Adopter pada tahun 2023 dalam Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia.

Smart City Early Adopter merupakan Tahap 1-Bandar Pintar (smart city) yang telah digubal KPKT berdasarkan Matrik Pelaksanaan Bandar Pintar Malaysia, seperti mana dipersetujui oleh Majlis Bandar Pintar Negara pada 10 Oktober 2023.

Selain itu, melengkapkan lakaran kejayaan bagi tahun 2023, PPj turut menerima Anugerah PBT Cemerlang bagi kategori perbandaran dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri KPKT, Nga Kor Ming pada 11 November 2023 bertempat di St. Regis Kuala Lumpur.

Penyertaan bagi Anugerah PBT Cemerlang ini dimulakan dengan kepatuhan kepada 17 kriteria yang telah digariskan oleh pihak penganjur serta sesi temu duga bersama panel juri.

Dalam pada itu, penglibatan para pemegang taruh dan komuniti Putrajaya dalam setiap program yang dianjurkan oleh PPj adalah merupakan antara inti pati yang telah memberikan hasil kepada PPj atas pencapaian tertinggi ini.



# Kompleks Penguat Kuasa PPj Bakal Dibina Demi Kelancaran Operasi

Sebuah kompleks Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj), bakal dibangunkan di Presint 9 bagi menjamin keselesaan petugas barisan hadapan kepada PPj. Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, ia akan dilengkapi fasiliti seperti padang kawad, bilik latihan dan lain-lain keperluan bagi memastikan kelancaran operasi dan keperluan semasa.

Selain itu, penambahbaikan pasukan penguat kuasa daripada segi kemahiran dan teknologi di era digital dipertingkatkan. Penguat kuasa PPj turut diharap untuk meneroka penggunaan teknologi pada masa kini. Ia sebagai alat menyokong tugas-tugas penguatkuasaan bagi memastikan keberkesanan tindakan dan membantu dalam memudahkan serta mempercepatkan pelaksanaan tugas.

Terdahulu, seramai 60 anggota penguat kuasa PPj telah diraikan dengan penuh protokol dan istiadat di Dataran Putrajaya, Presint 3, sempena Majlis Perbarisan Sempena Sambutan Hari Penguat Kuasa PPj 2023 Dan Sambutan Jubli Perak Penguat Kuasa PPj.

Ia merupakan penghargaan kepada anggota penguat kuasa yang sentiasa bertindak secara tegas dan berhemah dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil secara saksama serta sah di sisi undang-undang. Semoga ia dapat meningkatkan motivasi dan menjadi sumber inspirasi kepada semua warga penguat kuasa PPj untuk berkhidmat dengan penuh amanah.

Di samping itu juga, ia bagi memperingati sejarah penubuhan Pasukan Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya pada 17 Ogos 1998 yang pada awalnya hanya terdiri daripada enam anggota dan kini mempunyai lebih 150 orang selaras dengan pertambahan fungsi dan keperluan tugas yang semakin mencabar.

Pihak pengurusan akan sentiasa cakna tentang keperluan pasukan penguat kuasa. Justeru, pihak Pengurusan Sumber Manusia juga sedang menguruskan proses pertukaran khidmat lantikan MyStep kepada penjawatan Contract Of Service (COS) bagi memperkasakan



pasukan ini dan meringankan bebanan tugas penguatkuasaan apabila kapasiti penduduk semakin bertambah. Pihak pengurusan juga sentiasa bersikap terbuka dan bersedia menerima sebarang cadangan dan pendapat daripada semua anggota. Sudah tiba masanya keperluan eluan penguat kuasa PPj dikaji semula seperti penguat kuasa pihak berkuasa tempatan lain terutamanya dengan bilangan penduduk dan pengunjung ke Putrajaya yang kian meningkat serta kewujudan kawasan-kawasan komersial dan residensi baharu.

Penguat kuasa memainkan peranan cukup penting bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara terjaga dan terjamin. Untuk itu, mereka harus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti supaya menjadi contoh teladan kepada pihak lain. Pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM) juga telah bersetuju untuk melatih anggota penguat kuasa PPj bagi merealisasikan penubuhan Unit Tambo Penguat Kuasa PPj pada suatu hari nanti.

Terdahulu, pada majlis tersebut turut menyaksikan seorang pegawai penguat kuasa menerima Anugerah Khas Jubli Perak Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya manakala dua anggota dianugerahkan Pangkat Inspektor dan Pingat Perkhidmatan 25 Tahun.





# Karnival Usahawan Desa Putrajaya 2023

Karnival Usahawan Desa (KUD)@ Putrajaya 2023 anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bermula dari 22 sehingga 26 November 2023 selama lima hari di Anjung Floria menampilkan pelbagai aktiviti menarik. Karnival ini dibuka bermula dari jam 10 pagi dan berakhir jam 10 malam dengan menyediakan 800 gerai pameran termasuk jualan membabitkan pelbagai usahawan.

Kumpulan sasar bagi Program KUD@ Putrajaya 2023 ini terdiri daripada usahawan luar bandar yang mendapat bimbingan KKDW, agensi dan usahawan luar bandar berpotensi yang memerlukan bantuan khidmat nasihat dalam meningkatkan produktiviti dan memperkembangkan perniagaan.

Karnival pada kali ini menyasarkan nilai transaksi jualan sehingga RM10 juta meliputi jualan tunai, padanan perniagaan dan tempahan selain dijangka menarik penyertaan sehingga satu juta pengunjung sepanjang tempoh penganjurannya.

Keistimewaan program karnival pada kali ini adalah produk pelancongan Wilayah Ketengah yang dibawa khas daripada Terengganu seperti Kenyir Houseboat, beca dan kraftangan. Pengunjung juga boleh merasai keindahan alam Anjung Floria dengan cahaya lampu pada waktu malam termasuk dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan artis tempatan.

Karnival pada kali ini membabitkan 10 agensi di bawah KKDW iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Karnival ini juga turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Perbadanan Putrajaya (PPj) khususnya dalam kelulusan penggunaan lokasi Anjung Floria dan khidmat nasihat pelaksanaan program berskala besar di pusat pentadbiran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Program KUD@Putrajaya 2023, pada Sabtu dengan diiringi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri KKDW, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Pada masa yang sama, karnival ini turut mengadakan Program Rural Business Challenge (RBC) 2. Program RBC tersebut telah diperkenalkan sejak 2012 melalui Government Transformation Programme (GTP) 2.0 di bawah Youth Entrepreneur Driven Model Desa Abad ke-21, khususnya untuk program keusahawanan belia. Pada tahun ini, KKDW memperkenalkan semula program RBC dengan beberapa penambahbaikan yang dikenali sebagai RBC 2.0.

Program ini masih mengekalkan konsep asalnya iaitu sebuah program pengembangan perniagaan melalui penganjuran pertandingan penyediaan rancangan perniagaan (RP) dalam kalangan usahawan belia luar bandar.

